



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENGURUSAN PEMELIHARAAN KOLEKSI MUZIUM DI  
MUZIUM BUGIS PONTIAN JOHOR**

**Norlaila Binti Atan**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Program Pengurusan Seni)  
2015**

**PENGURUSAN PEMELIHARAAN KOLEKSI MUZIUM DI MUZIUM BUGIS  
PONTIAN JOHOR**

NORLAILA BINTI ATAN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2015

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the 26 day of June 2015.

**Student's Declaration:**

I NORLAILA BINTI ATAN, 37773, FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS hereby declare that the work entitled PENGURUSAN PEMELIHARAAN KOLEKSI MUZIUM DI MUZIUM BUGIS PONTIAN JOHOR is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

26 June 2015

Date submitted

NORLAILA BINTI ATAN (37773)

Name of the student (Matric No.)

**Supervisor's Declaration:**

I MR ALEXANDER AK CHELUM hereby certifies that the work entitled PENGURUSAN PEMELIHARAAN KOLEKSI MUZIUM DI MUZIUM BUGIS PONTIAN JOHOR was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ART MANAGEMENT), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: ALEXANDER AK CHELUM

Date: \_\_\_\_\_

(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
 **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*  
 **OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_

(26 June 2015)

Supervisor signature: \_\_\_\_\_

(26 June 2015)

Current Address:

**TL 375 LOT 1987 BATU 49 SANGLANG,  
82100 AYER BALOI PONTIAN, JOHOR.**

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## PENGAKUAN

Projek bertajuk '**Pengurusan Pemeliharaan Koleksi Muzium Di Muzium Bugis Pontian Johor**' telah disediakan oleh **Norlaila Binti Atan** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**)

Diterima untuk diperiksa oleh :

---

(Encik Alexander ak Chelum)

Penyelia Program Pengurusan Seni

Tarikh:

---

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera, terlebih dahulu, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan rahmatnya saya diberi keizinan dan kemudahan untuk menyiapkan projek penulisan tahun akhir ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi ribuan terima kasih kepada penyelia projek tahun akhir saya iaitu En Alexander Chelum kerana telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada saya dari awal kajian dijalankan sehingga kajian ini selesai disempurnakan meskipun saya mengetahui bahawa beliau masih mempunyai tanggungjawab lain yang perlu diberi perhatian. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih ini juga ditujukan khas kepada beliau kerana kesabaran dan ketabahan beliau dalam memberi bimbingan dan perhatian yang baik kepada saya sepanjang saya menjalankan kajian. Ucapan ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak Muzium Bugis Pontian kerana mereka sudi memberi kerjasama yang sangat baik bersama saya dalam menjalankan kajian di Muzium tersebut. Saya percaya, sekiranya tanpa bantuan dan kerjasama yang baik daripada pihak Muzium Bugis Pontian, kajian ini pasti sukar untuk disempurnakan.

Sekalung ucapan jutaan terima kasih juga saya ditujukan kepada ibu dan keluarga saya kerana mereka telah banyak memberi sokongan dan dorongan dari segi moral dan kewangan dalam membantu saya menyempurnakan projek tahun akhir ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang telah banyak memberi kerjasama yang positif dan tunjuk ajar kepada saya dalam usaha saya untuk menyiapkan projek tahun akhir ini. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan jutaan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung di dalam kajian ini. Sekian, Terima Kasih.

## **SENARAI GAMBAR RAJAH**

<b>NO</b>	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1	Rajah 1.1 : Muzium Bugis Pontian	2
2	Rajah 1.2 : Muzium Bugis Pontian (Dahulu)	6
3	Rajah 1.3 : Aksara Lontara Bugis	7
4	Rajah 1.4 : Lokasi Muzium Bugis Pontian	20
5	Rajah 3.1 : Lokasi Muzium Bugis Pontian	58
6	Rajah 4.1 : Senarai Infomen	83
7	Rajah 4.2 : Proses Pemeliharaan	99
8	Rajah 4.3 : Proses Pemuliharaan	100

## ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT	
HALAMAN TAJUK	i	
PENGESAHAN	ii-iii	
PENGAKUAN	iv	
PENGHARGAAN	v	
SENARAI GAMBAR RAJAH	vi	
ISI KANDUNGAN	vii-x	
ABSTRAK	xi	
<i>ABSTRACT</i>	Xii	
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.1.1	Muzium Bugis Pontian	3-6
1.1.2	Bahasa Dan Tulisan Etnik Bugis	7
1.1.3	Pakaian Tradisional Etnik Bugis	8
1.1.4	Makanan Tradisional Etnik Bugis	9
1.2	Permasalahan Kajian	10-11
1.3	Hipotesis Kajian	12
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Persoalan Kajian	14
1.6	Signifikan Kajian	15-17



1.6.1	Masyarakat (Pengunjung Muzium)	15
1.6.2	Pengkaji	16
1.6.3	Pihak Muzium Bugis Pontian	17
1.7	Skop Kajian	18-19
1.7.1	Muzium Bugis Pontian	18
1.7.2	Pihak Muzium Bugis Pontian	19
1.8	Lokasi Kajian	20
1.9	Kesimpulan	21-22
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KESUSASTERAAN</b>	
2.0	Pengenalan	23
2.1	Definisi Pengurusan	24-32
2.2	Definisi Pengurusan Muzium	33-38
2.3	Definisi Muzium	39-46
2.4	Definisi Pemeliharaan	47-51
2.5	Definisi Koleksi Muzium	52-55
2.6	Kesimpulan	56
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0	Pengenalan	57
3.1	Kawasan Kajian	58
3.2	Kerangka Kajian	59
3.2.1	Langkah Pertama: Kajian Rintis	60-62
3.2.2	Langkah Kedua: Rangka Kajian Dan	63

	Reka Bentuk Kajian	
3.2.3	Langkah Ketiga: Analisa Dan Dapatan Kajian	64
3.2.4	Langkah Keempat: Kesimpulan Dan Cadangan	65
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	66
3.3.1	Data Primer	67
3.3.2	Kaedah Kualitatif	68-71
3.3.2.1	Kaedah Temu Bual	68-69
3.3.2.2	Kaedah Pemerhatian	70
3.3.2.3	Kaedah Fotografi	71
3.3.3	Data Sekunder	72-74
3.4	Persampelan Kajian	75-76
3.5	Instrumen Kajian	77-79
3.6	Kesimpulan	80
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0	Pengenalan	81
4.1	Penganalisaan Data	81
4.2	Kaedah Temu Bual	82-84
4.2.1	Hasil Dapatan Kajian Objektif Pertama	85-97
4.2.2	Hasil Dapatan Kajian Objektif Kedua	98-111
4.2.3	Hasil Dapatan Kajian Ketiga	112-122
4.3	Analisa Dan Dapatan Kajian Kaedah Pemerhatian	123

4.4	Analisa Dan Dapatan Kajian Kaedah Fotografi	124
4.5	Kesimpulan	125-126
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.0	Pengenalan	127
5.1	Perbincangan	128-133
5.2	Penemuan Kajian	134
5.3	Implikasi Kajian	135-136
5.4	Cadangan Kajian	137-139
5.5	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	139-142
5.6	Kesimpulan	143-144
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	145-147
	<b>LAMPIRAN</b>	148-156

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah sebuah kajian berkenaan dengan pengurusan pemeliharaan koleksi Muzium di Muzium Bugis Pontian Johor. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti pengurusan pemeliharaan koleksi Muzium di Muzium Bugis Pontian, mengetahui kaedah dan proses pemeliharaan yang dijalankan terhadap koleksi Muzium yang digunakan oleh pihak Muzium Bugis dalam membangunkan koleksi Muzium dan mengenalpasti kaedah susunan reka letak koleksi Muzium yang dipamerkan kepada pengunjung dalam langkah memelihara koleksi tersebut. Ini dapat diterjemahkan melalui pemerhatian yang dijalankan dan fakta-fakta yang diperolehi disokong oleh tiga orang informan yang pakar dan berpengetahuan luas mengenai fokus kajian iaitu Encik Abdullah, Puan Handik Husni dan Puan Ani. Kajian ini mendapati bahawa pengurusan pemeliharaan terhadap koleksi Muzium di Muzium Bugis Pontian memiliki kaedah pengurusan yang tersendiri. Di samping itu, kajian ini mendapati bahawa kaedah pengurusan pemeliharaan terhadap koleksi Muzium masih berada pada tahap yang serdahana dan perlu dipertingkatkan lagi. Ini berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada kaedah pemerhatian yang dilakukan. Hasil kajian ini memberikan implikasi yang besar terhadap pengurusan pemeliharaan koleksi Muzium dan pihak Muzium Bugis Pontian.

## **ABSTRACT**

*This study is a study on the management of preservation museum collection at the Museum Bugis Pontian Johor. This study aims to identify Museum collection management preservation at the Museum Bugis Pontian, find out the methods and processes of preservation are ongoing to on the Museum collections used by the Museum Bugis in developing the Museum collection and identify a set of layout rules Museum collections are exhibited to visitors in safeguards for the collection. This can be translated through observations made and the facts were supported by three informants who are experts and knowledgeable about the research focus. They are Encik Abdullah, Puan Handik Husni dan Puan Ani. The study found that the management of preservation of Museum collections in the Museum Bugis Pontian has its own management methods. In addition, the study found that the method of managing the preservation of Museum collections still at a moderate level, and should be further enhanced. This is based on information obtained from observation methods. The results of this study provide major implications for the preservation management of Museum collections and the Museum.*

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 PENDAHULUAN**

Kajian yang dijalankan ini adalah mengenai pengurusan pemeliharaan koleksi Muzium di Muzium Bugis Pontian. Muzium Bugis Pontian ini terletak di daerah Pontian di Negeri Johor. Perkara yang ingin dikaji oleh pengkaji dalam kajian ini adalah berkaitan tentang kaedah pengurusan pemeliharaan koleksi Muzium yang digunakan dan dibangunkan oleh pihak Muzium Bugis Pontian terhadap koleksi Muzium tersebut bagi memastikan koleksi Muzium sentiasa terpelihara daripada mengalami sebarang kerosakkan dan kemusnahan. Dalam kajian ini juga, pengkaji turut memuatkan tentang sejarah penubuhan Muzium Bugis yang menyimpan pelbagai sejarah dan artifak seni Etnik Bugis serta menerangkan kaedah-kaedah pemeliharaan koleksi yang dikendalikan oleh pihak Muzium Bugis. Hal ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pihak Muzium Bugis tentang kepentingan dalam memelihara sesuatu koleksi seni agar koleksi tersebut sentiasa terpelihara daripada kerosakkan dan kemusnahan.

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

### 1.1.1 MUZIUM BUGIS

Gambar Rajah 1.1: Muzium Bugis Pontian



(Sumber: Diambil oleh pengkaji)

Etnik Bugis merupakan salah satu rumpun Melayu yang berasal dari Sulawesi dan mula berhijrah ke Tanah Melayu pada lewat kurun ke-18 dan 19. Kedatangan Etnik Bugis adalah atas tujuan untuk memperkenalkan dan mengabadikan budaya dan cara hidup komuniti Bugis terutamanya di Negeri Johor. Selain mempunyai tujuan tersebut, Etnik Bugis berhijrah ke semenanjung Tanah Melayu juga disebabkan oleh daerah Makassar yang terletak di Sulawesi telah diserang dan ditawan oleh pihak Belanda. Penghijrahan Etnik Bugis ke semenanjung Tanah Melayu terutamanya di Negeri Johor telah menyebabkan wujudnya Muzium Bugis Pontian ini.

Pada awal kewujudannya, Muzium Bugis Pontian ini terletak di sebelah Masjid Teluk Kerang, Kampung Teluk Kerang, daerah Pontian, Negeri Johor, Malaysia. Menurut Encik Abdullah Ahmad iaitu pemilik Muzium Bugis Pontian ini, Muzium ini telah diwujudkan pada tahun 1982. Muzium ini ditubuhkan oleh beliau disebabkan oleh minat beliau yang mendalam terhadap mengumpul pelbagai koleksi sejarah yang berkaitan dengan orang Melayu terutamanya Etnik Bugis. Menurut Keratan Surat Khabar yang bertajuk "*Khazanah Bernilai Di Muzium Bugis*" oleh wartawan Sharifah Salwa, pada awalnya, Muzium Bugis Pontian ini telah dibina di sebuah kawasan yang agak terpencil dan kurang strategik iaitu di kediaman pemilik Muzium Bugis Pontian ini. Pemilik Muzium Bugis Pontian ini telah menggunakan sebahagian ruang di hadapan kediaman beliau untuk dijadikan sebagai tapak untuk mendirikan Muzium Bugis bagi menyimpan koleksi-koleksi beliau. Keadaan seperti ini telah menyebabkan banyak koleksi Muzium tidak dapat diuruskan dan diselenggarakan dengan baik kerana keadaan Muzium yang agak kecil dan sempit.



Menurut keratan dari akhbar Utusan Malaysia (n/d) yang bertajuk “*Abdullah bina Muzium Bugis pertama*” oleh wartawan Afandi Ismail menyatakan bahawa hasrat seorang pengumpul hasil seni tradisi Bugis Abdullah Ahmad untuk mewujudkan Muzium bagi mengumpul bahan koleksi suku kaum itu akhirnya tercapai apabila Muzium Bugis pertama telah dilancarkan oleh menteri kebudayaan, kesenian dan perlancongan, Datuk Sabbaruddin Chik pada 26 Julai lalu 1994. Bagaimanapun, untuk mewujudkan Muzium Bugis yang pertama di Malaysia, Abdullah, 50 tahun, tidak mudah kerana dia terpaksa mengambil masa selama 30 tahun untuk mengumpul bahan berkaitan, dimana membabitkan perbelanjaan sendiri kira-kira RM273.000. Ini termasuk menjadikan sebahagian daripada rumahnya sebagai Muzium Bugis yang menyimpan 1017 buah koleksi artifak. Termasuk 150 berkaitan langsung dengan sejarah masyarakat Bugis di Johor dan Kepulauan Riau”.


Namun begitu, setelah 20 tahun kewujudannya, Muzium ini telah dipindahkan ke tempat yang lebih strategik dan lebih luas iaitu di kampung Teluk Kerang, Pontian Johor Darul Takzim. Lokasi Muzium ini dikatakan sangat strategik kerana Muzium ini telah ditempatkan di sebuah bangunan dan bangunan tersebut terletak berdekatan dengan pusat peranginan pantai Rambah Pontian. Muzium Bugis Pontian ini merupakan Muzium milik persendirian yang dimiliki oleh seorang lelaki berketurunan Bugis iaitu Encik Abdullah bin Ahmad. Pemilik Muzium ini juga merupakan mantan pegawai pengkaji di Johor Heritage Foundation. Beliau juga mempunyai pengalaman selama 20 tahun dalam mengendalikan Muzium. Kewujudan Muzium Bugis Pontian ini juga sebenarnya adalah disebabkan minat pemilik Muzium ini yang mendalam terhadap kesenian dan kebudayaan Etnik Bugis.

Menurut keratan dari sebuah akhbar Berita Harian (1998) yang bertajuk “*Muzium Bugis Tumpuan Pelancong Di Musim Cuti*” oleh wartawan Mir Azri Shahrudin menyatakan bahawa seharusnya dengan itu, orang ramai tidak dikenakan sebarang bayaran untuk memasuki Muzium tersebut sebaliknya mereka boleh menderma secara ikhlas bagi membantu membangunkan lagi Muzium itu. Ini menjelaskan bahawa tiada sebarang bayaran yang akan dikenakan untuk memasuki Muzium Ini. Menurut Encik Abdullah, beliau menyatakan bahawa Muzium yang dibina oleh beliau sememangnya tidak berorientasikan kepada keuntungan.

Muzium Bugis Pontian ini sememangnya menyimpan pelbagai koleksi artifak terutamanya artifak daripada Etnik Bugis. Antara koleksi Muzium yang tersimpan di Muzium Bugis seperti pelbagai gambar hitam putih berbentuk fotostat bersaiz besar, peralatan dapur yang bersaiz besar, peralatan perkahwinan Etnik Bugis yang berasaskan daripada tembaga, pakaian tradisi Etnik Bugis, salasilah keturunan Bugis, barang kemas Etnik Bugis, peralatan pinggan mangkuk Etnik Bugis yang bercorakkan bunga kangkung dan istana Johor, peralatan peperangan Etnik Bugis dan lain-lain. Kesemua koleksi muzium ini merupakan koleksi peribadi pemilik Muzium ini sendiri.

Gambar Rajah 1.2: Muzium Bugis Pontian (Dahulu)

(Sebahagian ruang di hadapan kediaman En Abdullah dijadikan sebagai tapak untuk mendirikan Muzium Bugis Pontian)



(Sumber: Keratan Surat Khabar yang bertajuk “Khazanah Bernilai Di Muzium Bugis”  
oleh wartawan Sharifah Salwa)

### 1.1.2 BAHASA DAN TULISAN

Dalam aspek bahasa dan tulisan, Etnik Bugis juga sama seperti etnik lain yang mempunyai bahasa yang tersendiri yang dikenali sebagai Bahasa Bugis. Bahasa Bugis ini digunakan oleh masyarakat Bugis untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Bahasa ini asalnya digunakan oleh etnik Bugis di Sulawesi Selatan dan tersebar di negeri-negeri seperti sebahagian Negeri Maros, Pangkep, Barru, Kota Pare-Pare, Pinrang dan beberapa negeri lain lagi. Dari segi bahasa, Etnik Bugis juga mempunyai dialek yang tersendiri yang dikenali sebagai sebagai ‘Bahasa Ugi’. Dari segi tulisan pula, tulisan huruf Etnik Bugis pula dikenali sebagai sebagai ‘Aksara’ Lontara Bugis. Lontara adalah aksara tradisional Etnik Bugis. Lontara ini tidak dipengaruhi oleh budaya lain. Aksara lontara Bugis ini digunakan dalam penulisan urusan pemerintahan dan kemasyarakatan. Aksara lontara Bugis ini berjumlah 23 huruf yang semuanya disusun berdasarkan aturan tersendiri. Bentuk tulisan adalah seperti dalam jadual berikut :

Gambar rajah 1.3: Aksara Lontara Bugis

No	Nama	Pengetikan	Aksara Lontara Bugis	No	Nama	Pengetikan	Aksara Lontara Bugis
1	ka	k	↗	15	nya	N	≈
2	ga	g	↘	16	nca	C	↗↘
3	nga	G	∧	17	ya	y	≈
4	ngka	K	↗	18	ra	r	↗
5	pa	p	↘	19	la	l	≈
6	ba	b	↗	20	wa	w	≈
7	ma	m	∨	21	sa	s	◊
8	mpa	P	↗↘	22	a	a	≈
9	ta	t	∧	23	ha	h	∞
10	da	d	∨	No.	Bunyi	Pengetikan	Contoh
11	na	n	↗	1	u	u	□
12	nra	R	↗↘	2	e	e	◀□
13	ca	c	↗	3	o	o	□∧
14	ja	j	↘	4	ae	E	∨□

(Sumber: <http://hubunganetnik-ipgkpi.blogspot.com/2012/07/etnik-bugis.html>)

### **1.1.3 PAKAIAN TRADISIONAL**

Dalam aspek pakaian tradisional pula, Etnik Bugis terkenal dengan kain sarung sebagai busana kaum wanita yang dipakai dengan baju kebaya labuh. Manakala, bagi kaum lelaki pula bergaya dengan baju Sikap sut padanan lima dilengkapi tengkolok, baju, seluar, bengkung dan kain sampung tenunan Bugis bergaris atau bertelepuk perada emas warisan keluarga bangsawan Bugis. Selain itu, ketika adat perkahwinan, pengantin akan mengenakan pakaian tradisi iaitu baju Bodo. Baju Bodo tersebut diperbuat daripada kain organza dan dipadankan dengan kain tenun corak tapak catur benang emas. Menurut adat Bugis, setiap warna baju bodo yang dipakai oleh kaum wanita melambangkan usia ataupun darjat pemakainya. Warna-warna tersebut adalah seperti warna jingga bagi kanak-kanak perempuan berumur 10 tahun, Jingga dan merah Digunakan oleh gadis berumur 10-14 tahun, warna merah pula bagi kaum wanita berumur 17-25 tahun, warna putih digunakan oleh para inang dan dukun, warna hijau khas untuk wanita berketurunan bangsawan dan warna ungu bagi golongan para janda.

Tambahan pula, terdapat juga pakaian Etnik Bugis yang mengikut daerah tertentu di mana pakaian yang digunakan masih digelar baju Bodo. Baju ini diperbuat dari kain satin dan dihiasi kain sulaman berwarna perak. Baju ini mempunyai lengan pendek dan labuh sehingga ke paras paha. Jemeki dijahit secara berselang-seli di keseluruhan baju untuk menampakkan lagi kemewahan baju tersebut. Kain yang digunakan sebagai kain sarong diperbuat dari kain satin berwarna perak dan dijahit bersama kain corak Bugis membentuk kipas di bahagian belakang kain.

#### **1.1.4 MAKANAN TRADISIONAL**

Makanan tradisional Etnik Bugis merupakan salah satu simbol dalam kehidupan etnik ini terutama didalam kehidupan berumah tangga. Terdapat pelbagai jenis makanan tradisional Etnik Bugis seperti Coto Makassar, Burasak dan lain-lain. Coto Makassa merupakan makanan tradisional etnik Bugis dari daerah Makassar, Sulawesi Selatan. Makanan ini diperbuat daripada usus sapi yang direbus dalam satu tempoh yang lama. Kemudian air rebusan usus ini dicampurkan dengan daging sapi dan dihiris halus serta dimasak bersama rempah. Coto makassar biasanya dimakan bersama ketupat.

Selain itu, Burasak juga merupakan satu makanan tradisional dan burasak ini adalah satu hidangan yang wajib disajikan bagi Etnik Bugis ketika hari raya. Burasak ini menggunakan beras wangi yang dimasak dengan santan seperti nasi lemak kosong. Apabila nasi telah masak, nasi tersebut akan dibalutkan dengan daun pisang dan direbus selama tiga hingga empat jam. Pada kebiasaannya, hidangan ini selalunya dimakan bersama dengan hidangan lain seperti ayam masak lengkuas.

Dalam adat perkahwinan Etnik Bugis pula, tetamu akan dihidangkan sekurang-kurangnya sebanyak 24 jenis hidangan makanan tradisional dan biasanya akan dipersiapkan oleh pihak keluarga lelaki. Makanan tradisional tersebut adalah seperti kawusallo, manjarella, lulung kasoro, nennuk-nennuk, biji nangka, paloleng, leppang jampu, beppa tello, puteri sala, katiri sai, tolobu, bingka, babingka, palita, lapis, sanggarak, poso, palopo ipaesa, sarikaya, barongko, sanggarak sitombolok, docok cangkuli, sari mokka, pasok. Kesemuanya dikenali sebagai kuih Bugis dan mempunyai simbol-simbol tersendiri.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian merupakan satu persoalan yang ingin dicungkil oleh pengkaji. Permasalahan yang telah dikenalpasti akan cuba dikupas oleh pengkaji dalam kajian ini. Menurut Sabitha Marican (2005) dalam buku yang berjudul *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, menyatakan bahawa “*Permasalahan kajian ialah penyajian yang jelas tentang pernyataan masalah yang berkaitan dengan pemboleh ubah yang dikaji*”. Pernyataan ini bermaksud seperti apakah permasalahan yang dihadapi dalam menjalankan sesebuah penyelidikan sehingga permasalahan yang timbul tersebut perlu dikaji. Dalam kajian ini, Terdapat beberapa permasalahan yang telah dikenalpasti oleh pengkaji. Antaranya:

Kelemahan dari segi pengurusan pemeliharaan koleksi Muzium di Muzium Bugis. Pernyataan permasalahan ini telah dijumpai oleh pengkaji di dalam sebuah laman sesawang. Menurut laman sesawang Wikipedia, “*Oleh kerana Muzium ini tidak diuruskan secara profesional, beberapa bahan di dalamnya tidak kekal cantik*”. Pernyataan permasalahan ini mengatakan bahawa disebabkan Muzium Bugis Pontian tidak diuruskan dengan sempurna terutamanya dalam aspek pengurusan koleksi dan pengurusan pemeliharaan, banyak koleksi-koleksi Muzium mengalami kerosakan. Hal ini kerana, ketiadaan pengurusan pemeliharaan koleksi yang profesional dalam menguruskan sesebuah koleksi Muzium akan menyebabkan koleksi tersebut mudah mengalami kerosakkan dan kemusnahan. Melalui hasil temu bual yang dilakukan oleh pengkaji bersama pemilik Muzium Bugis, ternyata permasalahan di dalam laman sesawang tersebut adalah benar dan telah dipersetujui oleh pemilik Muzium Bugis tersebut.

Selain itu, permasalahan ketidaksesuaian susunan reka letak koleksi muzium yang dipamerkan kepada pengunjung juga merupakan permasalahan dalam kajian ini. Hal ini kerana, setiap koleksi atau artifak Muzium yang hendak dipamerkan sememangnya perlu diletak dan disusun di tempat yang sesuai dengan keadaan fizikal koleksi tersebut. Apabila sesebuah koleksi disusun dan diletakkan di tempat yang betul, Keadaan seperti ini dapat menjamin jangka hayat sesebuah koleksi yang dipamerkan. Namun begitu, Apabila sesebuah koleksi itu diletakkan di suatu tempat yang salah atau tidak sesuai dengan keadaan fizikal koleksi, maka koleksi tersebut akan mudah mengalami kerosakkan dan kemusnahan.